

22 NOV 1999

P/Raya-Peluang (Fokus Berita)

PEMBANGUNAN LANGKAWI JAMIN KEMENANGAN BN

LANGKAWI 22 Nov (Bernama) -- Pembangunan pesat Langkawi menjadi sandaran kuat Barisan Nasional untuk mempertahankan kerusi Parlimen di sini dan Dewan Undangan Negeri Kuah serta Padang Matsirat dalam pilihan raya umum 29 Nov ini.

Pelbagai program yang sedang rancak berjalan di pulau peranginan ini tidak akan terhenti sekiranya pengundi terus memberi mandat kepada BN sebagai tanda berterima kasih mereka terhadap arkitek pembangunan nombor satu pulau peranginan ini Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemerhati politik berpendapat peluang BN amat cerah bagi mempertahankan kerusi Parlimen Langkawi dan DUN Kuah tetapi dijangka mendapat saingan sengit bagi DUN Padang Matsirat.

Katanya PAS terlepas peluang untuk menawan Padang Matsirat pada pilihan raya lepas kerana tersilap perkiraan memberi tumpuan calonnya menentang Setiausaha Parlimen Datuk Abu Bakar Taib bagi kerusi Parlimen Langkawi.

Pemerhati politik berpendapat PAS sepatutnya memberi laluan mudah kepada Abu Bakar dengan tidak meletakkan calonnya supaya mereka dapat memberi perhatian untuk menawan kerusi DUN Padang Matsirat yang mempunyai majoriti pengundi Melayu.

Daripada 13,146 pengundi di DUN itu, lebih daripada 90 peratus merupakan pengundi Melayu.

Pada pilihan raya 1995, BN menang di DUN Padang Matsirat melalui calonnya Mohamed Hasan Bulat menewaskan Long Saad daripada PAS dengan majoriti 3,815 undi. Seorang lagi calon bebas, Azizan A Bakar hanya mendapat 95 undi.

BN yakin akan mengulangi kemenangan dengan majoriti bertambah dalam pilihan raya kali ini berdasarkan penerimaan rakyat terhadap dasar pembangunan negara termasuk di Langkawi, bagaimanapun isu pembangunan itu sendiri akan digunakan PAS sebagai isu meraih simpati pengundi.

Haji Che Din Arshad, calon PAS yang bertanding bagi kerusi DUN Kuah berkata untuk memecah undi dan mengalih sokongan rakyat, PAS akan membangkitkan isu seperti soal tanah, perumahan kos rendah untuk rakyat dan projek-projek pembangunan di Langkawi.

"Masalah rakyat perlu diberi perhatian sewajarnya walaupun dalam apa-apa rancangan pembangunan", katanya.

Jika tanah penduduk diambil untuk satu-satu projek, mereka perlu diberi ganjaran setimpal dan pendapat mereka perlu ditanya, katanya.

Calon PAS bagi Parlimen Langkawi, Ir Amiruddin Haji Hamzah, 37, berkata PAS akan menggunakan isu pengambilan tanah di Langkawi untuk meraih undi.

-- BERNAMA

TM RON